

Bahagian A

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- MUZAFAR : (*Mendekati IBU*) Assalamualaikum, mak.
 IBU : (*Gugup*) Wa ... waalalkumusalam. (*Girang*) Eh, Zafar!
 MUZAFAR : Ya, mak. Kenapa mak duduk termenung di muka pintu ni?
 IBU : Tunggu kaulah.
 MUZAFAR : Mak ni! Macamlah kita tak pernah berjauhan.
 IBU : Tapi, kali ni, mak rasa macam jauh sungguh.
 MUZAFAR : Kenapa mak rasa macam tu?
 IBU : Sebab, kau langsung tak telefon mak. Pula tu, orang-orang yang kau bawa berekspedisi bukannya boleh menyelamatkan kau kalau sesuatu terjadi pada kau. Itulah yang merisaukan mak.
 MUZAFAR : Maafkan saya, mak. Saya tak patut biarkan mak risau tidak menentu. Memang saya silap sebab tak telefon mak.
 IBU : Ha, sedar pun kau.
 MUZAFAR : Sebenarnya, apabila ada masa lapang, saya sering leka berbual dengan para peserta ekspedisi hingga larut malam. Tak sampai hati pula saya nak kacau mak pada waktu macam tu.

(Dipetik daripada drama "Tenang-tenang Air di Tasik",
 antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Mengapakah ibu Muzafar termenung di hadapan pintu?
 - A Bosan kerana tiada kerja
 - B Ingin merasa angin dari luar
 - C Menunggu kepulangan Muzafar
 - D Berhajat untuk memarahi Muzafar
- 2 Mengapakah ibu Muzafar berasa sangat risau akan keselamatan Muzafar?
 - A Ahli ekspedisinya tidak mempunyai ilmu yang cukup
 - B Muzafar menjalankan aktiviti tanpa pengetahuan ibunya
 - C Ibu Muzafar merasakan anaknya telah merahsiakan sesuatu daripadanya
 - D Muzafar menunjukkan perubahan sikap selepas pulang daripada ekspedisi
- 3 Apakah sikap Muzafar yang wajar dicontohi?
 - A Mengamalkan gaya hidup sihat
 - B Bersikap terbuka menerima kritikan
 - C Terlalu mementingkan rakan-rakan ekspedisinya
 - D Meminta maaf daripada ibunya apabila sedar telah membuat kesilapan
- 4 Nilai yang tidak terdapat di dalam petikan di atas ialah
 - A baik hati.
 - B kejujuran.
 - C kemaafan.
 - D kasih sayang.
- 5 Apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh Muzafar setelah mengetahui keadaan ibunya?
 - A Menelefon ibunya dengan kerap
 - B Menghantar wang bulanan dengan lebih banyak
 - C Membawa ibunya untuk menyertai ekspedisinya selepas ini
 - D Mengupah orang lain untuk menjaga kebajikan ibunya